

## Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

“ Bursa Malaysia kekal berdaya tahan, dan terus menyampaikan keutaman kami untuk meningkatkan nilai kepada pihak berkepentingan dan dalam memenuhi semua komitmen kami. ”

### Para Pemegang Saham yang dihormati,

Bursa Malaysia terus fokus kepada misi '*Creating Opportunities, Growing Value*' dan mencatatkan prestasi yang berdaya tahan pada 2021.

Persekitaran operasi tahun 2021 kekal mencabar berikutan pandemik COVID-19 yang berlarutan dan kesannya yang menggugat kehidupan dan mata pencarian. Namun begitu, Bursa Malaysia kekal berada pada landasannya dan terus menambah nilai pihak berkepentingan kami.

Sukacita saya melaporkan bahawa Bursa Malaysia telah mencatat prestasi yang berdaya tahan dan perkembangan dalam inisiatif utama kami pada tahun dalam tinjauan. Pencapaian ini adalah hasil daripada dedikasi kakitangan kami dan kerjasama daripada pihak berkepentingan, termasuk pengawal selia kami, yang memainkan peranan penting dalam memastikan pasaran berjalan dengan adil dan teratur.

### **Datuk Muhamad Umar Swift**

Ketua Pegawai Eksekutif



## Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

### MENGURUS KESAN PANDEMIK COVID-19

Persekitaran operasi tidak kembali kepada keadaan pra-pandemik pada 2021 meskipun pada awalnya pemberian vaksin secara besar-besaran diharap dapat mempercepatkan pemulihan di peringkat global dan tempatan. Sebaliknya, pandemik COVID-19 terus menjadi cabaran yang dominan, di mana bilangan orang yang dijangkiti dan meninggal dunia di seluruh dunia terus meningkat. Komuniti dan syarikat terus terbeban oleh pandemik COVID-19 yang mengancam kesihatan, menyebabkan sekatan pergerakan fizikal yang ketat dan menimbulkan ketidakpastian terhadap prospek ekonomi.

Bagi memastikan daya tahan dan keberlangsungan pasaran, kami telah memperkenalkan beberapa langkah terhadap pasaran dan peserta pasaran untuk memastikan kestabilan pasaran dan meringankan beban peserta pasaran. Antara langkah-langkah yang diambil adalah:

- melaksanakan pelepasan sementara untuk syarikat-syarikat awam tersenarai, termasuk lanjutan secara automatik selama sebulan untuk menyerahkan penyata kewangan dan laporan tahunan, serta tempoh pelepasan untuk penerbit tersenarai dengan kedudukan kewangan yang tidak memuaskan dan tahap operasi yang tidak mencukupi;
- mengembalikan semula mekanisme pengurusan dan kawalan pasaran, termasuk had harga dinamik dan statik bagi saham-saham komponen indeks penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI dan tahap pencetus pemutus litar Bursa Malaysia kepada parameter asal;
- melanjutkan penggantungan sementara pada Jualan Pendek Intrahari dan Jualan Pendek Intrahari oleh Pedagang Harian Proprietari untuk meningkatkan kestabilan pasaran; dan
- melanjutkan pengecualian fi penyenaaran tahunan yang diperkenalkan pada 2020 untuk penerbit tersenarai yang layak, bagi menampung kos pengumpulan dana mereka.

Bursa Malaysia juga sedar bahawa pandemik COVID-19 telah menyebabkan kenaikan kos yang tinggi kepada masyarakat kita dan memberi kesan buruk kepada sesetengah segmen dalam masyarakat kita. Memandangkan kami berada pada kedudukan yang baik untuk menghulurkan bantuan kepada rakyat Malaysia, kami telah beriltizam untuk menyumbang RM5.8 juta bagi meringankan impak COVID-19, dengan menghulurkan bantuan dalam pelbagai bentuk, daripada makanan sehinggalah peralatan IT untuk pelajar agar mereka dapat meneruskan pengajian di rumah melalui pembelajaran jarak jauh. Kami juga menyumbang kepada sektor perubatan untuk merawat pesakit COVID-19 yang semakin meningkat dan telah mencapai jumlah tertinggi pada bulan Ogos 2021.

Sementara itu, ahli Lembaga Pengarah Bursa Malaysia dan pengurusan tertinggi secara sukarela telah menyumbang di antara 10% dan 20% daripada gaji mereka selama tiga bulan, dari Jun 2021 hingga Ogos 2021. Jumlah tersebut telah dipadankan oleh Bursa Malaysia dengan nisbah satu kepada satu, dan disumbangkan kepada Tabung Amanah Bantuan Bencana Kebangsaan Kementerian Kewangan untuk membantu mangsa bencana dan menanggung perbelanjaan petugas barisan hadapan dalam memerangi pandemik COVID-19. Bursa Malaysia turut menyumbang sebanyak 310 tangki oksigen kepada Kementerian Kesihatan, dan membeli dua buah ambulans yang lengkap serta memberi sokongan kewangan untuk pengoperasian ambulans kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

Dari segi operasi, kami kekal fokus dalam tempoh tersebut untuk memastikan pasaran terus beroperasi bagi menyokong dan memudahcara pengumpulan dana, dagangan dan pelaburan. Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk meminimumkan risiko jangkitan dan mengekalkan kesihatan serta keselamatan kakitangan kami, mereka telah diagihkan di antara bekerja dari rumah atau dari lokasi alternatif.

### PRESTASI KEWANGAN KAMI

Bursa Malaysia terus mencatatkan prestasi kukuh meskipun berada dalam persekitaran operasi yang mencabar. Ini disumbang oleh kecekapan kami dalam mengurus pasaran dan kemampuan untuk memenuhi keperluan pelanggan kami yang semakin berkembang. Memandangkan persekitaran operasi yang tidak menentu, kami telah mengambil pendekatan yang lebih konservatif dan melaksanakan disiplin kos yang sewajarnya pada tahun 2021.



## Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

**Penyenaraian telah mengumpul dana sejumlah**

**RM2.7 bilion dan menyumbang sebanyak**

**RM10.6 bilion kepada keseluruhan permodalan pasaran**

**Di Pasaran Derivatif, Purata Kontrak Harian meningkat sebanyak**

**2.3%, dengan sejumlah 75,178 kontrak diniagakan pada 2021**

**Jumlah Dividen Dibayar bagi tahun 2021 adalah sebanyak**

**41 sen sesaham**

Secara keseluruhan, Bursa Malaysia mencatatkan Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat sebanyak RM355.3 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. Ini menunjukkan penurunan tahun-ke-tahun sebanyak 6.0% daripada 2020, sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan aktiviti dagangan dalam Pasaran Sekuriti yang telah mencatatkan tahap tertinggi pada tahun 2020. Dagangan sekuriti kekal teguh dengan nilai purata harian yang didagangkan (ADV) berjumlah RM3.5 bilion, iaitu 15.9% lebih rendah daripada yang dicatatkan pada tahun 2020.

Di Pasaran Derivatif, Purata Kontrak Harian (ADC) meningkat sebanyak 2.3%, dengan sejumlah 75,178 kontrak diniagakan pada 2021 berbanding 73,523 kontrak pada tahun sebelumnya. ADV bagi Bursa Suq Al-Sila' mencatatkan peningkatan sebanyak 13.2% kepada RM37.3 bilion. Angka-angka ini menunjukkan keyakinan syarikat dan para pelabur terhadap pasaran modal Malaysia.

Lembaga Pengarah telah meluluskan pembayaran dividen sebanyak 41 sen sesaham bagi tahun 2021 (2020: 51 sen sesaham, termasuk dividen khas 8 sen).

### INISIATIF-INISIATIF KAMI PADA 2021

Bursa Malaysia terus melaksanakan komitmen strategiknya ke arah menjadi pasaran ASEAN terulung, mampan dan mempunyai jalinan hubungan di peringkat global. Inisiatif pembangunan ini berlandaskan Pelan Hala Tuju Strategik 2021-2023 kami dan bertumpu kepada pencapaian dalam teras tonggak strategik. Beberapa pencapaian utama pada 2021 termasuk:

#### Penawaran dan pelancaran produk baharu

Penyenaraian baharu adalah penting kerana ia mewujudkan kecairan pasaran untuk kemampan jangka panjang pasaran sekuriti. Pada 2021, Bursa Malaysia menyaksikan lonjakan dalam bilangan tawaran awam awal (IPO). Sebanyak 30 penyenaraian baharu telah dicatatkan yang terdiri daripada 7 penyenaraian Pasaran Utama, 11 penyenaraian Pasaran ACE dan 12 penyenaraian Pasaran LEAP. Sejumlah RM2.7 bilion dana telah dikumpul dan menyumbang sebanyak RM10.6 bilion kepada permodalan pasaran keseluruhannya, yang berjumlah RM1.8 trilion menjelang akhir tahun. Melangkah ke hadapan, kami menjangkakan saluran IPO yang kukuh yang akan menyaksikan penyenaraian baharu yang berterusan di pasaran kami.

Kami juga telah memperluaskan ekosistem Dana Dagangan Bursa (ETF) dan Waran Berstruktur (SW) kami pada tahun 2021. Ini termasuk pelancaran ETF VP-DJ Syariah China A-Shares 100 dan 1,451 SW baharu. SW mencatatkan peningkatan sebanyak 20% tahun-ke-tahun.

Di Pasaran Derivatif, kami telah melancarkan produk baharu dan diubahsuai untuk memenuhi permintaan para peserta pasaran. Ini termasuk Kontrak Niaga Hadapan Minyak Isirung Sawit Mentah yang diubahsuai, Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah Malaysia Timur serta Kontrak Niaga Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia 3-Tahun dan Kontrak Niaga Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia 10-Tahun dengan mekanisme penyerahan secara fizikal.

#### Penambahbaikan Mekanisma Perkhidmatan untuk Meningkatkan Akses dan Pembangunan Pasaran

Bursa Malaysia giat berusaha untuk meningkatkan akses dan rangkaian perkhidmatan kami, dalam usaha menyeluruh untuk meningkatkan daya tarikan dan daya saingan pasaran. Pada 2021, ciri-ciri baharu telah disepadukan ke dalam pasaran untuk menambah baik ekosistem pasaran dan menawarkan lebih banyak kaedah kepada para pelabur untuk mengurus portfolio mereka. Perkhidmatan yang dilancarkan termasuk:

- Sesi Dagangan Malam Pasaran Derivatif Selepas Waktu Bekerja (T+1) untuk meningkatkan akses dagangan kepada peserta global;
- e-Dagangan Besar Dirunding (e-NLT) Fasa 2 yang menawarkan lebih kecekapan dagangan kepada peserta Pasaran Derivatif;
- ciri-ciri baharu e-Hak (e-Rights) dan e-Tawaran Am (e-General Offer) dalam aplikasi *Bursa Anywhere*, yang membolehkan pendeposit melanggan terbitan hak atau tawaran am melalui aplikasi;
- Program Perintis Penggerak Pasaran (*Pilot Market Making*) dan rangka kerja untuk saham bagi meningkatkan halaju dagangan dan kecairan pasaran; dan
- Rangka Kerja Dagangan Budi Bicara (*Discretionary Trading*) bagi sekuriti.

#### Kerjasama dan pakatan strategik

Bursa Malaysia turut menjalin kerjasama dengan pelbagai rakan kongsi untuk meningkatkan keupayaan kami dan meluaskan kumpulan peserta pasaran kami. Ini termasuk kolaborasi berasaskan teknologi dan pakatan strategik seperti:

- penyiapan Pembuktian Konsep (PoC) ke atas proses penukaran sijil fizikal kepada sijil elektronik yang inovatif bagi meneroka kemungkinan kecekapan yang lebih besar dalam penerbitan Waran Berstruktur;
- penyiapan PoC Dinar Emas Digital sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk menjadikan pelaburan emas patuh Syariah lebih mudah diakses oleh pelabur;
- penyiapan PoC dengan kerjasama beberapa institusi kewangan untuk membolehkan bon berkaitan kemampan digunakan pada penyelesaian pengurusan kitaran hayat teknologi lebar teragih (DLT);
- perjanjian strategik yang ditandatangani dengan Alliance Bank Malaysia Berhad untuk menggunakan analitik data bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana meningkatkan daya tahan perniagaan mereka; dan

## Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

“  
**Kami  
 mempergiatkan  
 usaha kami pada  
 tahun lalu untuk  
 menerapkan  
 lagi amalan  
 Kemampanan  
 dalam pasaran  
 kami.**”

- Perjanjian Persefahaman yang ditandatangani dengan ahli Majlis Pelabur Institusi Malaysia (IICM) ke arah penyeragaman data berhubung penerapan amalan persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG).

### **Penambahbaikan Rangka Kerja Peraturan dan Kawal Selia**

Rangka kerja peraturan dan kawal selia kami disemak secara berkala untuk memastikan landskap kawal selia pasaran adalah sesuai dalam memenuhi matlamat untuk mengekalkan pasaran yang rancak, adil dan teratur. Antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan pada 2021 adalah seperti berikut:

- menerbitkan Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Malaysia (edisi keempat) yang dikemaskini untuk meningkatkan amalan tadbir urus di kalangan syarikat-syarikat awam tersenarai (PLCs);
- meminda Peraturan Penyenaraian Pasaran Utama dan Pasaran ACE berhubung dengan spread pegangan sekuriti awam; dan
- menjadikan Bursa Malaysia sebagai Pusat Sehati bagi IPO Pasaran ACE dan pendaftaran prospektus, untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses penyenaraian berkuatkuasa Januari 2022.

### **Program Pendidikan, Pemasaran dan Promosi**

Walaupun masih terdapat sekatan untuk mengadakan program secara bersemuka disebabkan oleh pandemik COVID-19, kami terus memanfaatkan platform teknologi untuk terus mendekati pihak berkepentingan dan menjalankan program pendidikan, pemasaran dan promosi. Sebagai contoh, pada 2021, kami menganjurkan acara-acara berikut secara maya sebagai menggantikan acara fizikal:

- 'Virtual Marketplace Fair' yang pertama;
- Siri Maya Invest Malaysia Kuala Lumpur;
- Persidangan Maya Pelaburan Syariah Ke-2; dan
- Persidangan Maya Prospek Harga Minyak Sawit dan Laurik Tahunan Global ke-32.

Pada 2021, Bursa Malaysia turut memulakan program baharu untuk PLC kami, iaitu Program Insentif Perhubungan Pelabur (IR) dan Perhubungan Awam (PR), yang dirangka untuk membantu membina keupayaan IR dan PR para peserta. Ini dijangka akan meningkatkan kebolehcapaian dan daya tarikan PLC di kalangan komuniti pelabur.

Bagi pelabur runcit, kami melancarkan Simulator Dagangan Derivatif (DTS), yang membantu pelabur runcit membiasakan diri dengan dagangan derivatif. Melalui DTS, kami menjangkakan pelabur runcit akan memperoleh lebih keyakinan dan kebiasaan dengan produk derivatif dan peranannya dalam portfolio pelaburan. DTS juga diiringi dengan Cabaran Dagangan Maya Derivatif 2021 yang diadakan buat ulung kalinya, yang merupakan pertandingan yang direka untuk memacu lebih banyak penyertaan daripada segmen runcit.

Selain itu, kami turut memperkenalkan ciri *Mirror, Learn & Trade* (MLT) dalam aplikasi mudah alih BursaMKTPLC. Program MLT direka untuk membantu pelabur mempelajari amalan dagangan daripada pedagang yang sudah berpengalaman dan menambahbaik pengetahuan dalam mengenali risiko dan peluang dalam pasaran. Akhir sekali, kami melancarkan inisiatif untuk masyarakat awam iaitu 'What's Your Interest and Opportunities' untuk menggalakkan penyertaan runcit dalam Pasaran Sekuriti.

### **KEMAMPANAN ADALAH KEUTAMAAN**

Inisiatif Bursa Malaysia berhubung kemampanan bukan sahaja tertumpu kepada amalan kemampanan organisasi kami, tetapi juga amalan yang lebih meluas yang mencakupi keseluruhan pasaran. Inisiatif kami bukan sahaja memastikan aktiviti penciptaan nilai kekal mampan, malah kami secara aktif mengukuhkan ekosistem untuk menggalakkan PLC dan pihak berkepentingan kami untuk melakukan perkara yang sama. Inisiatif kemampanan kami dibincangkan dengan lebih terperinci dalam Laporan Kemampanan (*Sustainability Report*) kami, tetapi ada beberapa pencapaian yang ingin saya tekankan di sini.

Pada 2021, kami mempergiatkan usaha untuk terus menerapkan kemampanan dalam pasaran kami. Sebagai contoh, kami memperkenalkan Indeks Syariah FTSE4Good Bursa Malaysia, yang merupakan indeks patuh Syariah bagi Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia yang diperkenalkan pada tahun 2018. Kami juga memperkenalkan keperluan baharu untuk semua penghantaran fizikal kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah yang diperakui di bawah Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia bermula 1 April 2021. Selain itu, inisiatif lain yang dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu telah meningkatkan amalan dan pelaporan kemampanan di kalangan PLC. Sebahagiannya boleh dilihat dengan peningkatan konstituen Indeks F4GBM kepada 80 pada Disember 2021 berbanding 75 setahun yang lalu.

Kami turut mempergiat usaha untuk mempamerkan kepimpinan dalam menyokong amalan ESG dan tindakan iklim yang baik, selaras dengan Pelan Hala Tuju Kemampanan 2021-2023 kami. Salah satu inisiatif tersebut ialah membangunkan Rangka Kerja Kecekapan Pengamal Kemampanan Korporat bersama United Nations Global Compact Network Malaysia & Brunei untuk menyokong peningkatan kecekapan yang mampan di kalangan pengamal dan profesional yang terlibat dalam bidang kemampanan korporat di Malaysia.

Di samping itu, pada September 2021, Bursa Malaysia mengumumkan hasrat untuk menjadi neutral karbon menjelang 2022, dan untuk mencapai pelepasan gas rumah hijau sifar bersih menjelang 2050 dalam seluruh operasi kami. Kami menyedari bahawa ini merupakan matlamat yang beraspirasi tinggi tetapi ia adalah penting sekiranya kita ingin menyaksikan tindakan sebenar dan segera terhadap perubahan iklim dan akibatnya. Bursa Malaysia menyokong sepenuhnya gesaan negara untuk mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap perubahan iklim, dan kami berharap dengan menerajuiannya, kami akan menjadi teladan kepada syarikat korporat di Malaysia yang lain.

## Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

### MELANGKAH KE HADAPAN

Kami melancarkan Pelan Hala Tuju Strategik 2021-2023 kami pada penghujung 2020. Ia meliputi tiga strategi teras, empat pemudah utama dan lima tonggak strategik, bermatlamat untuk menjadikan Bursa Malaysia sentiasa bersedia untuk masa hadapan dan mengekalkan kemampunan pasaran pada jangka panjang.

Pencapaian kami pada 2021 telah mewujudkan asas yang baik untuk memacu pertumbuhan pada tahun-tahun akan datang, dan dengan asas kukuh ini kami akan berusaha untuk mendapatkan nilai yang lebih besar bagi pihak berkepentingan kami dengan memperkenalkan platform dan perkhidmatan baharu (pengembangan melintang), serta meluaskan perniagaan semasa dan sedia ada (pengembangan menegak). Ini selaras dengan kepercayaan kami bahawa produk dan penawaran kami, serta bidang pengaruh kami, harus berkembang seiring dengan perubahan dalam landskap operasi. Ini akan membolehkan kami memenuhi objektif kami sepenuhnya dan mencapai potensi kami sebagai sebuah bursa.

Pada tahun kedua Pelan Hala Tuju Strategik 2021-2023, kami akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kerancakan dan daya tarikan pasaran, di samping mewujudkan ekosistem yang lebih mudahcara dan menyokong dengan rangka kerja yang sewajarnya. Kami akan berusaha untuk mengukuhkan kepimpinan kami dalam bidang pasaran modal Islam, melalui pembangunan berterusan rangkaian produk dan perkhidmatan patuh Syariah yang baharu.

Di samping itu, kami akan membangunkan pasaran baharu secara proaktif sebagai saluran pertumbuhan atau penyelesaian baharu untuk pihak berkepentingan kami. Contohnya, produk baharu seperti sekuriti bersandarkan aset dan aset token. Inisiatif menarik pada 2022 termasuk usaha kami untuk mewujudkan Pasaran Karbon Sukarela dengan produk kredit karbon patuh Syariah pertama dan pengkomersialan penyelesaian Dinar Emas Digital. Penawaran baharu sedang dibangunkan dan direka bentuk bagi memenuhi keperluan pasaran sebenar dan memacu agenda kemampunan dalam pasaran modal.

### ANUGERAH

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Bursa Malaysia amat menyedari usaha kami untuk membangunkan pasaran dan menjadikannya sebuah destinasi pelaburan dan penyenggaraan yang lebih berkembang maju, rancak dan menarik. Amat membanggakan apabila pencapaian kami diperakui dan diberi pengiktirafan oleh pihak luar. Bursa Malaysia menerima lima anugerah pada 2021:

- Dua anugerah daripada Anugerah Pengawal Seliaan Asia 2021, iaitu Bursa Terbaik dan, Projek Cemerlang: *Bursa Anywhere*, bagi aplikasi mudah alih kami;
- Bursa Saham Terbaik bagi Penyenggaraan Islamik di Anugerah Tahunan Islamic Finance News ke-16 2021;
- Transformasi Digital dan Infrastruktur Awan Hibrid di Red Hat APAC Innovation Awards 2021; dan
- Pulangan Ekuiti Tertinggi Sepanjang 3 Tahun (dalam sektor perkhidmatan kewangan: permodalan pasaran di bawah RM10 bilion) di Anugerah The Edge Billion Ringgit Club 2021.

Kesemua anugerah ini adalah untuk mengiktiraf bahawa semua aktiviti penciptaan nilai dan inovasi kami berada pada landasan yang betul. Kami masih berada pada permulaan perjalanan transformasi dan teruja untuk meningkatkan lagi penyampaian kami untuk tahun-tahun akan datang.

### PENGHARGAAN

Bagi pihak Pengurusan Bursa Malaysia, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua ahli Lembaga Pengarah kami di atas bimbingan mereka, dan kepada semua warga kerja kami di atas usaha gigih mereka sepanjang tahun ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada rakan kongsi industri kami atas semua sumbangan dalam menjadikan Bursa Malaysia pasaran yang lebih baik dan progresif. Tanpa mereka semua, kami tidak akan berupaya mencapai prestasi teguh pada tahun 2021. Saya juga ingin memberi pengiktirafan atas kerjasama PLC, para pelabur dan pengantara pasaran yang terus meletakkan kepercayaan kepada kami.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pengawal selia kami atas kerjasama rapat semasa pandemik COVID-19 bagi memastikan kecekapan, akses dan kecairan pasaran yang berterusan. Dalam menuju ke arah pemulihan ekonomi, kita harus berhati-hati kerana pandemik COVID-19 masih memberi ancaman kepada perniagaan dan punca pendapatan. Kita perlu kekal tangkas dan berwaspada agar pasaran terus berdaya tahan.

Kepada para pelanggan kami, saya ingin menyatakan bahawa kami sedang giat berusaha ke arah inovasi baharu yang akan menambahbaik pengalaman anda bersama kami, melalui penggunaan teknologi dan data, dan kami juga akan memberikan perkhidmatan lebih baik untuk semua. Akhir sekali, saya ingin memberi jaminan kepada pihak berkepentingan kami bahawa Bursa Malaysia terus komited dalam membangunkan pasaran dan akan meneruskan agenda pelan strategik kami, terutamanya dalam memperluaskan rangkaian produk dan perkhidmatan serta menjadi sebuah bursa pelbagai aset.

Terima kasih.



**Datuk Muhamad Umar Swift**

Ketua Pegawai Eksekutif